

06/02/2003

Rombakan pemimpin teras memperkasa Umno Kelantan

Nik Yahya Ab Rahman

DEMI untuk memenangkan Barisan Nasional (BN) di Kelantan, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sanggup melakukan apa saja, termasuk merombak barisan kepimpinan dan pegawai parti di Kelantan.

Ini menyebabkan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed, menerima tiga Setiausaha Perhubungan Umno, Timbalan Pengerusi (dua), Bendahari (dua) dan Ketua Penerangan (tiga).

Datuk Annuar Musa (Timbalan Pengerusi) yang berkhidmat di bawah tiga ketua sejak 1987, digugur dan digantikan oleh Ketua Umno Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim.

Setiausaha Perhubungan, Tuan Hashim Tuan Yaakob (Ketua Umno Kubang Kerian) diganti dengan Timbalan Ketua Umno Bahagian Tumpat, Mat Nawawi Jusuh, Datuk Dr Nik Hussein Nik Abdul Rahman diganti oleh Datuk Dr Awang Adek Hussin selaku Bendahari manakala Alwi Che Amat menggantikan Datuk Ismail Mamat sebagai Ketua Penerangan.

Ketiga-tiga mereka yang digugurkan dilantik sembilan bulan lalu selepas ada usaha untuk menyingkirkan Mustapa.

Pelantikan itu diumumkan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, selepas menamatkan lawatan dua hari ke Kelantan.

Kita yakin pelantikan itu adalah suatu usaha dan kesungguhan Mustapa untuk memperkasakan parti di Kelantan bagi menentang arus dan gelombang kebangkitan Pas yang memerintah negeri itu sejak 1990.

Perlu disebut, Barisan Nasional (BN) mengambil alih teraju pemerintahan

Kelantan daripada Pas pada 1978 atas kerja kuat Pengerusi Perhubungan ketika itu, Tengku Razaleigh Hamzah. Selepas itu, BN memerintah Kelantan selama 12 tahun.

Dr Mahathir membuat rombakan dengan persetujuan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di atas cadangan Mustapa sendiri. Ini penting bagi menggugat kekuatan Pas di negeri itu.

Kepimpinan Umno di peringkat bahagian menyokong dengan alasan ia untuk memperkukuh dan mengembalikan keampuhan Umno dan kekuatan BN Kelantan.

Jika sebelum ini, banyak pihak bercakap mengenai perlunya kepimpinan Umno negeri dirombak atau disusun kembali, khususnya pegawai parti yang bermasalah, kini ia sudah menjadi realiti.

Biasanya suatu masalah akan diselesaikan dengan suatu penyelesaian yang mapan dan berhemah. Masalahnya, mungkin ada pemimpin yang terasa namanya disisihkan dan ia perkara biasa dalam organisasi.

Apapun, seperti yang tersurat di Kelantan, itulah barisan kepimpinan Umno Kelantan yang terbaik pernah diberi mandat. Kita yakin dengan pengalaman luas Nawawi, yang pernah menjadi guru dan wakil rakyat sebanyak

tiga penggal serta sudah masak dengan sepak terajang rakyat Kelantan, mampu berkhidmat dengan cemerlang.

Begitu juga dengan Alwi dan Dr Awang Adek. Gandingan kepemimpinan lama dan baru adalah kunci kejayaan kepada Umno Kelantan dan BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dengan memperkukuhkan barisan berkenaan, sudah sampai masanya kepemimpinan Wanita Umno Kelantan menonjolkan diri. Zaman untuk bersikap defensif sudah berlalu dan mereka perlu proaktif dengan mengadakan program yang mampu menjana sokongan wanita di negeri itu.

Jika dulu, tokoh kepemimpinan Wanita Umno Kelantan seperti Tengku Nor Asiah Tengku Ahmad, diikuti Zaleha Hussin dan Illani Datuk Isahak, sentiasa di bibir rakyat, namun kini kenapa Wanita Umno Kelantan sepi tanpa berita?

Begitu juga dengan barisan kepemimpinan Pergerakan Pemuda Umno yang lesu. Pemuda Umno Kelantan dilihat sebagai rubber stamp dan bertindak mengikut arus.

Inilah masa sesuai Pemuda Umno memainkan peranan aktif untuk menambat hati rakyat. Kempen menambah ahli perlu dibuat secara agresif di samping aktiviti ceramah, lawatan dari rumah ke rumah dan aktiviti kesukanan wajar dihidupkan dan diatur dengan mapan.

Puteri Umno juga perlu bertindak cekap, berhemah dan berwibawa memainkan peranan yang sesuai mengatur strategi pemujukan yang komprehensif bagi menarik minat golongan muda (generasi ketiga selepas merdeka) dan berpendidikan tinggi untuk menyokong Umno.

Jika semua pihak bersatu hati, semua lapisan Umno dan BN `membuang yang keruh dan mengambil yang jernih' di samping perubahan yang sudah bermula di Kelantan, sudah tentu hasilnya yang masak ranum akan dapat dinikmati tidak lama lagi.

NIK YAHYA AB RAHMAN,
Kuala Lumpur.